

27 AUG 1999

GPMS SOKONG ITM DINAIK TARAF

KUALA TERENGGANU, 27 Ogos (Bernama) -- Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) menyambut baik keputusan kerajaan menaikkan taraf Institut Teknologi Mara (ITM) kepada universiti dengan nama Universiti Teknologi Mara.

Setiausaha Agungnya, Syed Anuar Syed Mohamad berkata hari ini bagaimanapun GPMS berharap singkatan UTM bagi universiti itu dikaji semula bagi mengelakkan kekeliruan memandangkan singkatan UTM sudah digunakan dengan meluas untuk Universiti Teknologi Malaysia.

Beliau berkata GPMS juga menyokong penuh jaminan kerajaan bahawa dasar ITM tidak akan diubah selepas kenaikan tarafnya itu.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan keputusan kerajaan menaikkan taraf institut itu pada Perhimpunan Perdana Siswazah ITM di Shah Alam semalam.

Sambil menyifatkan langkah itu sebagai pengiktirafan besar terhadap pelajar Melayu, Syed Anuar juga berharap supaya kerajaan tidak akan menaikkan yuran pengajian bagi pelajar yang akan memasuki universiti itu.

"Namun kita tetap yakin bahawa perkara ini sememangnya dalam perhatian kerajaan dan jaminan yang diberikan bahawa masalah yuran tidak akan menjadi beban kepada pelajar adalah sesuatu yang amat dialu-alukan," katanya.

Selain itu, katanya, GPMS juga menyokong penuh supaya pengajian di peringkat diploma diteruskan sebagaimana biasa di pusat pengajian itu.

-- BERNAMA

AYB NMO